

SYARAT PENGGUNAAN LOGO

Ladang ternakan dan premis walit yang dianugerahkan sijil myOrganic dibenarkan menggunakan logo tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- Ladang ternakan dan premis walit yang mematuhi Good Animal Husbandry Practices (GAHP), mengamalkan penternakan secara organic dan syarat-syarat yang ditetapkan serta telah dianugerahkan dengan pensijilan myOrganic oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia;
- Ladang ternakan dan premis walit yang mengekalkan GAHP dan sentiasa akur kepada syarat-syarat yang ditetapkan;
- Logo boleh dicetak pada label / pembungkus keluaran yang diluluskan sahaja (keluaran yang didaftarkan semasa permohonan). Contoh pembungkus mengikut saiz sebenar yang bercetak samada dalam bentuk gambar foto atau dalam saiz sebenar hendaklah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebagai bukti penggunaan;
- Penggunaan logo myOrganic hanya dibenarkan ke atas produk dan premis yang diluluskan oleh DVS, Malaysia selain daripada tujuan pengiklanan;
- Pengusaha ladang ternakan dan premis walit yang diluluskan bersetuju membenarkan pegawai DVS menjalankan audit pemantauan (surveillance audit) dan audit pemeriksaan semula (review audit) serta mengambil sampel untuk ujian makmal; dan
- Segala perubahan dalam pengurusan, lokasi, hakmilik ladang atau premis dan operasi hendaklah dimaklumkan kepada DVS dalam masa 30 hari selepas perubahan dibuat.